

24 MAR, 2023

## Pembayaran terbuka tak 'bunuh' TnG, dorong pertingkat kualiti

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Pembayaran terbuka tak 'bunuh' TnG, dorong pertingkat kualiti

● Rata-rata yang saya tanya masalah TnG ialah kesukaran untuk tambah nilai di plaza tol dan mesin pembaca acap kali rosak dan menyukarkan urusan hingga menimbulkan kesusahan kepada pengguna lain

● Langkah ini sangat tepat kerana sekarang pembayaran elektronik melalui kad sudah berleluasa berbanding 1990-an. Saya yakin boleh dikatakan 80 peratus rakyat Malaysia sudah mempunyai kad debit atau kad kredit



Oleh Mohd Jamizal Zainol  
bhrenanca@bh.com.my

Pengerusi Yayasan Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)

Sesuatu menjadi cabaran mana-mana pemimpin dipilih rakyat untuk membentuk kerajaan ialah keupayaan membentuk undang-undang dan polisi yang matlamat akhirnya demi kebaikan rakyat terbanyak.

Dalam bentuk pemerintahan demokrasi diamalkan majoriti negara sekarang seperti Malaysia, rakyat akan mengundi dalam pilihan raya bagi memilih ahli Parlimen.

Ahli parlimen dipilih di Dewan Rakyat antaranya akan dilantik oleh Perdana Menteri untuk menganggotai Jemaah Menteri yang bertanggungjawab membentuk polisi dan undang-undang baik untuk rakyat.

Kabinet inilah akan menjadi pengimbang kepada pegawai kerajaan sebagai pelaksana segala polisi dan dasar kerajaan. Barisan menteri akan menentukan polisi mesti dilaksanakan pegawai kerajaan untuk kebaikan rakyat.

Persoalannya frasa untuk 'kebaikan rakyat' sangat subjektif. Kadangkala polisi dibentuk menteri tidak memenuhi hasrat itu atau adakah lebih menguntungkan golongan peniaga atau pemodal. Peniaga atau pemodal juga adalah rakyat yang mempunyai hak menikmati polisi baik dan menguntungkan mereka.

Justeru, inilah menjadi cabaran menteri dan membuat polisi dalam kerajaan. Perlunya adanya 'hikmah' dalam membuat keputusan berdasarkan keperluan dan suasana semasa tanpa menzalimi mana-mana pihak. Ini mengingatkan saya kepada anjuran melaksanakan keadilan setiap masa. Suatu kenyataan mudah dan lembut di lidah untuk dilafazkan tetapi sukar dilaksanakan iaitu berlaku adil.

Pada minggu ini, kerajaan melalui menteri pengangkutan mengumumkan penggunaan kad debit atau kad kredit bagi pembayaran di plaza tol sebagai alternatif kepada Touch 'n Go (TnG).

Jika dilihat sekali imbas seolah-olah keputusan ini akan 'membunuh' TnG kerana kita semua maklum syarikat itu sejak 1990-an sudah memperkenalkan kad bersepudu bagi pembayaran di lebuhraya, pengangkutan awam dan pembelian barang runcit.

Dengan kata lain, TnG seolah-olah 'memonopoli' perkhidmatan dan perniagaan kad pembayaran bersepudu ini. Jika ditanya pengalaman saya menggunakan kad itu, rata-ratanya tidaklah bermasalah kecuali kadangkala menghadapi isu apabila baki sudah habis ketika di plaza tol dan tidak pula di-

benarkan mengisi semula wang di dalam kad (tambah nilai) di plaza tol sama.

### Puncak kesesakan luar biasa

Akibatnya berlakulah kesesakan luar biasa. Rata-rata yang saya tanya masalah TnG ialah kesukaran untuk tambah nilai di plaza tol dan mesin pembaca acap kali rosak dan menyukarkan urusan hingga menimbulkan kesusahan kepada pengguna lain.

Pada hemat saya, monopolii ada kebaikan dan keburukannya. Ia bergantung keadaan dan tujuan pembuat polisi membenarkan suatu monopolii dalam pasar.

Faham kapitalisme tidak menggalakkan kerajaan berniaga dan terbabit dalam pasaran bebas kerana mungkin merencanakan persaingan dalam pasaran bebas. Sudah tentu penilaian lain agak sukar untuk bersaing dengan syarikat dikuasai kerajaan.

Sebaliknya di negara ini, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ialah perkara biasa dalam pasaran bebas kita. Kewujudan Telekom Malaysia Bhd (TM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan PETRONAS misalnya, selama ini berperanan penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

Ha Joon Chang, iaitu pemikir ekonomi Korea dalam bukunya *Bad Samaritans: The Guilty Secrets of Rich Nations & Threat to Global Prosperity* menuliskan idea penswastaan juga baik kerana teori ekonomi menyatakan sesuatu perkara menjadi lebih efektif jika diswastakan dan menjadi miliki perseorangan kerana manusia akan menjaga dan melukukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh jika syarikat atau perniagaan itu miliknya.

Beliau mengambil contoh, jika ada sampah salah di halaman rumah kita berbanding yang di luar kawasan rumah, sudah tentu kita akan senaraikan dan mengutamakan kebersihan kawasan sendiri. Inilah hujah pihak kapitalis bagi menguatkan teori mengapa perniagaan mestinya dijalankan individu dan pihak swasta tanpa campur tangan kerajaan.

Namun, tidak semua sektor ekonomi boleh diswastakan. Sektor yang hendak diswastakan sudah tentu perlu dinilai dan diputuskan kerajaan bersandarkan keadaan serta keperluan negara itu sendiri.

Sektor kritisikal dan menjadi keperluan rakyat seperti perhubungan jalan raya, pengangkutan, utiliti air dan elektrik mungkin tidak sesuai diswastakan atas hujah sektor ini kerajaan ia keperluan rakyat serta membabitkan isu keselamatan dan kedaulatan negara.

Penswastaan dalam sektor berkenaan boleh sahaja menyebabkan perkhidmatan elektrik dan air menjadi mahal dan di luar kemampuan rakyat. Su-

dah tentu syarikat swasta menguruskannya mempunyai motivasi untuk memaksimumkan keuntungan.

Dalam hal itu, keselamatan negara juga diambil kira, tidak sepertinya diswastakan sepenuhnya kerana membabitkan jaringan dan aset strategik untuk negara. Maka, GLC lebih sesuai diamanahkan untuk menguruskannya. Kerajaan memang saham terbesar dalam syarikat berkenaan dan pada masa sama, GLC boleh bertindak profesional dan efektif sebagai entiti perniagaan.

Dalam hal ini, TnG bukannya GLC perlu diberikan kuasa monopolii atas kepentingan strategik seperti saya nyatakan, tetapi ia satu-satunya syarikat diluluskan kerajaan sebagai pembekal sistem bayaran elektronik kepada semua kutipan tol di negara ini.

Mungkin pada masa itu, TnG seolah-olah diberikan kuasa 'monopolii' kerana teknologi pembayaran secara elektronik masih belum berkembang dan berstabiliti lagi.

Untuk itu, langkah kerajaan membolehkan kad debit dan kad kredit bank digunakan membayar di plaza tol lebuh raya bukannya bermuat 'membunuh' perniagaan syarikat berkenaan tetapi bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kutipan tol.

Langkah ini sangat tepat kerana sekarang pembayaran elektronik melalui kad sudah berleluasa berbanding 1990-an. Saya yakin boleh dikatakan 80 peratus rakyat Malaysia sudah mempunyai kad debit atau kad kredit.

Ini dapat memudahkan urusan di plaza tol terutama jika wangi di dalam kad TnG sudah habis dan kita mempunyai kad bank untuk membuat bayaran, sekali gus dapat mengelakkan kesesakan di plaza tol yang acap kali kita alami.

Pada masa sama, saya yakin TnG akan berusaha meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya, sekali gus akan menjadi suatu batu loncatan untuk memikirkan teknologi baharu dan mempelbagaikan lagi perkhidmatannya bagi mengimbangi polisi kerajaan ini.

Walau apapun polisi yang kerajaan perkenalkan, ia mesti mengambil kira semua kepentingan supaya perniagaan dan pelabur dalam perniagaan tidak terjejas dan pada masa sama, kepentingan rakyat dapat diutamakan.

Langkah Menteri Pengangkutan memperkenalkan kaedah alternatif pembayaran ini wajar dipuji kerana ia menyelesaikan masalah kesesakan di plaza tol, sekali gus secara tidak langsung 'memaksa' TnG mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka tanpa 'membunuh' perniagaan yang sudah beroperasi sejak lama.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**